



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



DART BERPASUKAN

1.0 **PENGANJURAN & PENGELOLAAN**

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2.0 **PERATURAN AM**

- 2.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Persatuan Dart Malaysia.
- 2.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang asal akan dipatuhi.
- 2.3 Kejadian di luar jangkaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 2.3.1 Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.
 - 2.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berasaskan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Persatuan DartMalaysia.
- 2.3 Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak **meminda/mengadakan** peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohananini.
- 2.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

3.0 **PENDAFTARAN**

- 3.1 Setiap kontinjen hendaklah mendaftarkan (1) pasukan dan setiap pasukan hendaklah mengandungi:-
 - 3.1.1 Seorang (1) Pengurus Pasukan /Jurulatih
 - 3.1.2 Sembilan (9) orang pemain.
- 3.2 Setiap pemain hanya dibenarkan bermain bagi satu acara sahaja **KECUALI** untuk acara '*Four Sum*' di mana (4) pemain di dalam pasukan boleh dipilih untuk bermain ('*Four Sum*' dan Perseorangan atau Bergu).
- 3.4 Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Konvensyen Kecemerlangan dan Kecergasan Jabatan.
- 3.5 Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambilbahagian.
- 3.6 Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



DART BERPASUKAN

4.0 SUSUNAN DAN FORMAT PERTANDINGAN

4.1 Susunan acara-acara adalah seperti berikut:

- i. Empat Sepasukan (*FourSum*)
- ii. Perseorangan Pertama
- iii. Bergu Pertama

4.2 Format pertandingan adalah seperti berikut:-

- | | |
|---|---------|
| i. Empat Sepasukan (<i>Four Sum</i>) (<i>one(1)leg</i>) | 1001 x1 |
| ii. Perseorangan (<i>best of three(3)legs</i>) | 501 x3 |
| iii. Bergu (<i>best of three(3)legs</i>) | 501 x3 |

4.3 Permainan perseorangan dan bergu akan dimulakan dengan '**501 Straight Start**' dan hendaklah ditamatkan dengan '**double**' (1-20 atau Bull-eye).

4.4 Permainan bagi empat sepasukan (foursum) akan dimulakan **dengan '1001 Straight Start'** dan hendaklah ditamatkan dengan '**double**' (1-20 atau Bull-eye).

4.5 Lambungan duit (*toss coin*) akan dilakukan sahaja oleh pegawai petugas pertandingan sebelum sesuatu perlawanan dijalankan. Pasukan yang memenangi lambungan duit (*toss coin*) akan memulakan permainan bagi acara pertama. Acara kedua oleh pasukan lawan dan seterusnya secara bergilir-gilir.

4.6 Di dalam permainan beregu atau berpasukan, pemain yang namanya tercatat sebagai pertama akan memulakan permainan dan seterusnya mengikuti susunan.

4.7 Pemain hanya dibenarkan bermain sekali sahaja **KECUALI foursome**. Contohnya: *Foursome* dan *Single/ Foursome* dan *Double*.

4.8 Seseorang pemain tidak dibenarkan berbincang atau mendapatkan buah fikiran mana-mana pemain lain semasa dalam "*in between throws*" kecuali "*Chalker/Caller*" perlawanan.

4.9 Seseorang pemain tidak dibenarkan membuat sesuatu yang dianggap sebagai tindakan yang disengajakan untuk melambatkan permainan.

5.0 CARA PERTANDINGAN

5.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 15.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



DART BERPASUKAN

6.0 PEMBERIAN MATA DAN PENENTUANKEMENANGAN

- 6.1** Setiap pasukan yang bertanding akan diberi mata berdasarkan kepada format berikut:-

- Menang - 3 mata
- Kalah - 0 mata

- 6.2** Sekiranya terdapat lebih daripada satu pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama maka kaedah berikut akandigunakan.

- Jumlah Perlawan / *Game* menang bagi semuapertandingan;
- Jumlah Perlawan / *Game* kalah bagi semuapertandingan;
- Nisbah Perlawan /*Game*

- 6.3** Sekiranya keputusan masih seri maka kaedah berikut akandigunakan:

- Jumlah set menang bagi semua pertandingan;
- Jumlah set kalah bagi semua pertandingan;
- Nisbah set.

Pasukan yang mendapat nisbah mata yang tertinggi dikira menang.

- 6.4** Sekiranya selepas kiraan tersebut di atas masih berlaku seri untuk (2) pasukan maka pasukan yang menang dalam perlawanan di antara mereka dikira menang. Sekiranya (3) pasukan yang berkedudukan seri maka undian akan dijalankan untuk menentukanpemenang.

7.0 MASA PERTANDINGAN

- 7.1** Semua perlawan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

- 7.2** Sekurang-kurangnya **tiga puluh (30) minit** sebelum bermulanya perlawan tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama pemain kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan menggunakan borang yang telah disediakan.

- 7.3** Sekiranya pasukan yang bertanding gagal hadir pada masa perlawan yang dijadualkan, pasukan tersebut akan diberi masa tangguhan selama **sepuluh (10) minit**. Jika setelah tamat tempoh masa yang diberikan, pasukan tersebut tidak juga hadir maka kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan yanghadir.

- 7.4** Walau bagaimanapun, tiada sebab bagi pasukan-pasukan memberikan kemenangan percuma kepada pasukan lawan. Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan mengambil tindakan dengan melaporkan kepada Ketua Kontinen agar mengambil tindakan tegas kepada pihak yang terlibat dan bertanggungjawab.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



DART BERPASUKAN

8.0 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

- 8.1** Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau Jawatankuasa Pengelola.

9.0 PERATURAN LAIN

- 9.1** Pegawai dan pemain yang didapati berada di bawah pengaruh alkohol semasa pertandingan sedang berjalan, akan di ‘disqualified’ dan seluruh pasukan akan dibatalkan penyertaannya dari pertandingan dan tindakan susulan seperti di Peraturan Am Perkara 24 akan diambil.
- 9.2** Seorang Pembantu Perubatan akan disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan untuk menjalankan pemeriksaan alkohol terhadap peserta.
- 9.3** Pemain yang gagal menghadirkan diri ke gelanggang untuk sesuatu acara selepas **lima (5) minit** panggil pertama dibuat akan dikira tidak bertanding dan kemenangan percuma akan diberikan kepada pemain lawan yang hadir.
- 9.4** Setiap pasukan adalah bebas untuk menentukan pemain yang layak bermain asalkan mengikut urutan perlawanan dan senarainya yang diserahkan sebelum perlawanan bermula.
- 9.5** Tiada pertukaran pemain dibenarkan setelah Borang Pendaftaran Perlawanan diserahkan.
- 9.6** Semua pemain tidak dibenarkan membawa sebarang minuman termasuk minuman keras dan dilarang merokok di dalam dewan permainan.

10.0 PERALATAN PERTANDINGAN

- 10.1** Jawatankuasa Pengelola Sukan Tani akan menyediakan Papan Dart jenis ‘Winmau’ atau yang setaraf dengannya.

11.0 PAKAIAN

- 11.1** Seseorang pemain hendaklah berpakaian kemas. Bermain tanpa memakai kasut, berseluar pendek atau menggunakan selipar atau memakai kemeja “T” tanpa kolar atau lengan adalah tidak dibenarkan.

- 11.2** Semua pemain dalam satu pasukan hendaklah memakai jersi yang seragam.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



DART BERPASUKAN

12.0 PENGADIL

- 12.1** Jawatankuasa Pengajur akan melantik para pengadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am.
- 12.2** Laporan perlawan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

13.0 DISIPLIN PASUKAN

- 13.1** Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawan dan pengadil perlawan.
- 13.2** Lain-lain adalah sebagaimana terkandung di dalam Peraturan Am.

14.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 14.1** Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara18.

15.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURIRAYUAN

- 15.1** Sila rujuk Peraturan Am Perkara 22, Perkara 23 dan Perkara24.

16.0 JADUAL PERLAWANAN

- 16.1** Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawan.

17.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

- 17.1** Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara12.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



DART BERPASUKAN

18.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGI

Nama	:	Rathakrishnan
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Dart Berpasukan
No. H/P	:	016-4213740
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Dart Berpasukan
No. H/P	:	
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	Setiausaha Pertandingan Sukan Dart Berpasukan
No. H/P	:	
emel	:	